

Urbanisasi di Malaysia: Mengaitkan Kepelbagaian Proses ke Bentuk Perbandaran

ABDUL SAMAD HADI

ABSTRAK

Esensi pada tema Seminar Ekologi, Habitat Manusia dan Alam sekitar adalah tentang keterkaitan dinamik antara manusia dengan alam sekitar, dan kesannya terserlah di habitat manusia. Kertas ucapan ini akan merungkai keterkaitan tersebut dengan landasan perbincangan bahawa perubahan pada pemacu pembangunan, dari yang mudah dan berbentuk linear kepada bentuk dengan kepelbagaian telah menghasilkan perubahan yang semakin kompleks, tersurat pada habitat manusia. Dengan meninjau kepada pengalaman proses perbandaran di Malaysia sejak kurun ke 16 menerusi tiga fasa utama perbandaran telah dikenalpasti. Fasa fasa itu adalah fasa awal- nascent, fasa perbandaran pseudo dan fasa terkini dengan pengembangan bandar sehingga membentuk kawasan perbandaran mega. Keterkaitan manusia dengan alam sekitar sebagaimana terserlah di habitat manusia adalah janaan pemacu berteraskan prilaku pasaran. Peranan pasaran telah menerobos jauh ke dalam makna keterkaitan manusia dengan alam sekitar sehingga menghasilkan pelbagai bentuk perubahan di habitat manusia. Keadaan habitat manusia yang dinamik tersebut perlu berdayahuni agar manusia, kegiatan ekonomi dan alam sekitarnya sejahtera.

Kata kunci: Habitat manusia, alam sekitar, pemacu pembangunan, perbandaran -nascent, pseudo, kawasan perbandaran mega, dayahuni

ABSTRACT

The essence of the Seminar on Ecology, Human Habitat and Environment is the dynamic relations between man and the environment. The outcomes of the relation are shown on the human habitat. This plenary paper discusses the relation stated earlier focusing on the argument that changing drivers from a situation of linearity to a complex one, has brought changing impacts on the human habitat. These changes can be illustrated from the Malaysian urbanization experiences that have undergone through three major phases, namely the nascent, pseudo and the current extended mega-urban region. The nature of development drivers at each phase, a simple one in the first phase, increasingly diversify in the second phase to the more diversified and complex drivers show the increasingly complex changes. The role of the market has penetrated the man and environment relations to produce a complex human habitat that has to be made liveable, for the welfare of all people.

Key words: Human habitat, environment, drivers, urbanization - nascent, pseudo and extended mega urban region, liveable.

PENGENALAN

Kawasan perbandaran dan terbandar semakin menyerlah sebagai habitat manusia di Malaysia sejak tiga dekad kebelakangan. Berbanding dengan keadaan pada awal kurun ke sembilan belas bumi Malaysia ketika itu masih diselubungi hutan hujan khatulistiwa yang kaya dengan kepelbagaian biologi dan bahan mineral diselang-seli oleh kampung-kampung terutamanya di

tempat-tempat menghala ke muara lembangan sungai-sungai utama; ekologi negara ketika itu masih utuh dan habitat manusia berada dalam keadaan terkawal dan seimbang; tetapi habitat ini mula berubah corak secara perlahan pada mulanya dan meledak secara meluas dalam empat dekad kebelakangan berpunca dari pelbagai pemacu, terutamanya peningkatan jumlah penduduk dalam lapisan-lapisan sosio-ekonomi lantaran pengemblengan pelbagai jenis modal bagi menggerakkan satu gabungan kegiatan agar tuntutan keperluan asas serta kemajuan penduduk dibangunkan. Sebagai kesan dari kegiatan pemacu-pemacu tersebut kawasan tempat tinggal serta kawasan lingkungan kegiatan-kegiatan habitat mereka mula berubah dari keadaan lebih asli menuju ke suatu landskap binaan di mana komponen asas ekologi tabii mula terurai dan diubahsuai.

Tersirat dalam tajuk Seminar Antarabangsa 'Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran' ini adalah satu keterkaitan langsung manusia dengan persekitaran fizikalnya; persekitaran yang telah tersedia sebelum manusia dilahirkan di bumi ini. Persekitaran itu lengkap untuk dimanfaatkan secara langsung atau dengan gabungan pengetahuan lebih maju untuk merungkaikan manfaat yang tersirat. Maka dalam konteks kesemukaan antara manusia sebagai agen pembawa perubahan kepada habitatnya, ucapan ini akan mengolah kesemukaan tersebut dengan tujuan bagi mendapatkan satu habitat manusia berdayahuni; berdayahuni dalam artikata membina habitat manusia yang 'ceria' (*vibrant*), berdaya tahan, selamat, sejahtera dan sihat dengan ekonomi yang berkembang serta adil dalam agihan kekayaan, aman, damai dan berkembang maju. Justeru, habitat berdayahuni adalah lestari. 'Dayahuni' dari habitat lestari menjadi pilihan ungkapan di sini kerana konsep itu lebih mudah untuk dirungkai dan digerakkan dalam suasana Malaysia kini bergerak ke arah merealisasikan pembangunan lestari. Habitat berdayahuni itu mungkin kelihatan sebagai satu 'utopia' sebagaimana juga 'pembangunan lestari' dan seterusnya pada ungkapan bandar lestari (Newman & Jennings 2008). Jika pembangunan lestari menekankan aspek proses menuju ke satu tahap perseimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar, bandar lestari akan juga cuba mencari perseimbangan tersebut. Dalam dayahuni bandar usaha juga digerak untuk meneroka tahap perimbangan antara kedinamikan ekonomi, keceriaan masyarakat dan kekentalan persekitaran bagi mendapatkan satu kualiti hidup. Kualiti hidup itu rata-ratanya boleh dicapai dengan lebih mudah dari perimbangan dalam proses pembangunan lestari, mahu pun bandar lestari.

PENGALAMAN PEMBANDARAN DI MALAYSIA DALAM RENUNGAN TEORI (*THEORETICAL REFLECTIONS*)

Perubahan terhadap habitat manusia dan alam sekitarnya berlaku seawal manusia mula memanfaatkan sumber yang tersedia dalam persekitaran itu tetapi perubahan pada peringkat itu sentiasa terkawal kerana segala yang dimanfaatkan adalah setakat memenuhi keperluan hidup seharian. Perubahan memuncak apabila sumber didagangkan; semua bentuk sumber diberikan nilai kebendaan. Dalam sejarah perubahan persekitaran, pemberian nilai kebendaan kepada sumber telah melonjakkan penerokaan sumber tersebut. Perubahan persekitaran berlaku. Perubahan kepada persekitaran sebagai hasil tindakan manusia seperti ini telah dirakamkan dengan mendalam di pelbagai kawasan di dunia pada tahun 1950-an dalam satu simposium tentang peranan manusia merubah permukaan bumi (Thomas Jr. 1956). Di Malaysia perubahan persekitaran secara meluas boleh dikaitkan dengan pengalaman kemajuan pada habitat manusia menerusi proses urbanisasi (pembandaran).

Kemajuan urbanisasi di Malaysia telah diungkapkan di pentas lain (Abdul Samad Hadi et al. 2009). Proses urbanisasi tersebut boleh dibahagikan kepada tiga tahap berkaitan pengalaman dan paparan hasilan proses tersebut.

Ringkasnya, tahap urbanisasi di Malaysia telah dikemukakan seperti berikut;

- ❖ Tahap Pembandaran Awal (*nascent*); 1490 hingga awal kurun kedua puluh.
- ❖ Tahap Pembandaran Pseudo; Selepas Peperangan Dunia Kedua- 1947- 1970-an.

- ❖ Tahap Perbandaran mega - 1970-an hingga kini

Pengalaman Urbanisasi Di Malaysia

Tahap Pembandaran Awal (Nascent)

Tahap pengalaman pembandaran awal ini berkait dengan penubuhan petempatan-petempatan bandar moden dalam artikata fungsi komersial, perkhidmatan dan iringannya seperti yang lazim terdapat pada petempatan yang kini dipanggil bandar sudah mula dibangunkan. Dari sejarah pengalaman kehidupan di bandar di kalangan masyarakat Malaysia menunjukkan kepelbagaian. Masyarakat Melayu dan Bumiputra rata-ratanya adalah masyarakat pertanian, justeru terasas di desa. Walaupun Bandar Warisan Sejarah Melaka sudah menjadi terkenal dalam kurun ke-15 sebagai pusat perdagangan di rantau ini semusim dengan keagungan Ternate sebagai pusat pengeluaran rempah ratus, masyarakat Bumiputra masih merupakan masyarakat desa. Peranan Melaka kelihatan lebih terkait dengan dunia luar dan kurang sekali untuk membangunkan petempatan bandar setempat. Ketika itu masyarakat Melayu dan Bumiputra kelihatan bertumpu di lembangan sungai terutama sekali di dataran menghala ke arah muara sungai (Zahrah Mahmud 1970; Khoo Kay Kim 1972).

Kedatangan Syarikat Hindia Timur British ke wilayah Malaysia ketika itu dengan tujuan asas untuk mengeksploitasi pelbagai prospek perniagaan dan juga pelaburan telah mencetuskan benih-benih kemunculan petempatan 'bandar'. Tapak permulaan petempatan ini adalah di pinggir pantai yang berkedudukan strategik. Terserlah adalah Pulau Pinang, Singapura dan juga Pulau Labuan di negeri Sabah. Oleh kerana orientasi bandar-pelabuhan ini lebih kepada perdagangan - mengumpul hasil dari pedalaman dan menjualnya ke negara Barat dan sebaliknya barangan buatan termasuk makanan dari Barat dijual di bandar-pelabuhan tersebut (McGee 1967; Khoo Kay Kim 1972) petempatan bandar tidak wujud melainkan kampung-kampung besar dengan penduduk yang ramai di pedalaman.

Sekitar kurun ke-19 syarikat-syarikat Inggeris telah mula meneroka peluang perniagaan dan pelaburan di dalam negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia dan Sabah sementara Sarawak dijelajahi oleh keluarga Brooke yang kemudiannya terus mengambil Sarawak di bawah pentadbirannya.

Peluang terbuka luas untuk syarikat-syarikat Inggeris ini di negeri-negeri Melayu di Semenanjung dan juga Sabah. Sumber tanah yang luas dan masih pristin diterokai, bermula dengan pengkomersialan penanaman ubi kayu, dituruti oleh pula kopi selain memperdagangkan hasil hutan seperti rotan, getah perca, dan damar. Penemuan bijih timah oleh keluarga Long Jaafar di Perak telah memulakan pula pelaburan syarikat-syarikat Inggeris pada mulanya untuk meneroka galian bijih, bijih besi dan emas (Gullick 2003). Keuntungan yang mula terserlah telah meluaskan penerokaan bijih ke negeri Selangor, Lukut-Sungai Ujung di Negeri Sembilan dan juga Pahang. Kemunculan pelombong memulakan pembangunan petempatan bergelar 'bandar'. Khoo Kay Kim (1972) misalnya telah menceritakan bagaimana pemodal di kalangan pelombong masyarakat Cina di Lukut Negeri Sembilan ketika itu, telah membangunkan dua deretan rumah kedai untuk menjual bukan sahaja bahan makanan tetapi juga perkakas rumah, pada mulanya untuk pelombong tetapi kemudian terbuka kepada penduduk kampung setempat. Masyarakat setempat mula menggunakan perkhidmatan dan barangan di kedai-kedai tersebut. Peluang pekerjaan di lombong dan juga di kedai telah mula menarik sebahagian penduduk Melayu setempat untuk menyertai pekerjaan ala 'bandar' walaupun jumlah keseluruhannya adalah kecil.

Peluang dalam pertanian muncul kembali pada awal kurun ke-20 apabila pegawai Inggeris ketika itu memperkenalkan getah (*hevea brasiliensis*), berasal dari Brazil ke Tanah Melayu. Kesesuaian ekosistem negeri-negeri Melayu, Sabah dan Sarawak telah memulakan kemasukan syarikat-syarikat Inggeris dan lain untuk meneroka secara meluas penanaman dan pengeluaran hasil getah untuk industri pembuatan di Barat (Gullick 2003). Penerokaan hutan pristin untuk

penanaman getah telah mengukuhkan langsung cengkaman Inggeris terhadap negeri-negeri di Malaysia. Dari intervensi kuasa Inggeris menasihati 'kerajaan' setempat dan langsung mengambil alih tampuk pemerintahan dari sultan-sultan dan pembesarpembesar negeri bermulalah dominasi Inggeris sebagai penjajah selama kurang lebih 200 tahun. Petempatan 'bandar' terus berkembang di sepanjang jalan utama yang dibina untuk meningkatkan ketersampaian antara tempat-tempat bagi mentadbir negeri-negeri Melayu agar pelaburan syarikat-syarikat, terutama syarikat Inggeris, tidak terjejas dari sebarang ancaman.

Selain bandar-bandar utama terbangun untuk menjadi ibu-ibu negeri pekan-pekan kecil turut diwujudkan sebagai pusat setempat daerah dan pekan-pekan kecil lain sebagai pusat lokal untuk bekalan barangan keperluan serta perkhidmatan dan pelabuhan bagi perdagangan dengan dunia Barat. Apabila melihat kefungsi bandar-bandar ini sehingga awal kurun ke-20 sudah wujud satu hierarki petempatan bandar, bergerak sebagai satu sistem (Lim Heng Kow 1978). Dari petempatan-petempatan bandar inilah agihan barangan keperluan dan barangan rumah serta pelbagai perkhidmatan disedia selaras dengan saiz pedalaman setiap petempatan bandar ini. Sehingga akhir peperangan dunia kedua bandar-bandar ini wujud sebagai pusat-pusat pentadbiran Inggeris sambil membekalkan barangan ringan dan berat, dan perkhidmatan. Bandar-bandar ini dikatakan tidak menyelerakkan pembangunan ke kawasan pedalaman, malahan banyak hasil kajian sains ketika itu merumuskan bahawa bandar-bandar ini lebih merupakan petempatan parasit, menyedut terus menerus kekayaan setempat (McGee 1967; 2009). Justeru kesemuanya bertugas juga sebagai pusat akumulasi kekayaan (Armstrong and McGee 1985). Apakah bandar-bandar ini merupakan pusat-pusat seleraan kemodenan? - iaitu menyediakan keadaan dari mana timbulnya keperkasaan individu dalam suasana persaingan terbuka untuk mengejar kemajuan sebagaimana yang terdapat dalam pengalaman proses pembandaran di negara maju janaan pelbagai bentuk modal terutama modal berkaitan industri pembuatan. Bandar-bandar di Malaysia tidak berupaya untuk menjalankan tugas tersebut kerana struktur ekonomi yang didominasi oleh modal perdagangan, perlombongan dan pertanian.

Seperkara lagi tentang bandar-bandar moden ini di Malaysia, kesemuanya adalah 'terasing' dari pengalaman masyarakat tempatan. Dalam suasana pemikir pengasasannya bandar-bandar ini dibangunkan dalam bentuk utopia lahir dari pengalaman keadaan di Barat dan disesuaikan dengan keperluan ke bentuk setempat. Peniaga bandar pula terdiri dari migran pekerja Cina dan sebahagian kecil lagi peniaga keturunan India. Lambat laun peniaga dari kalangan anak tempatan muncul tetapi rata-ratanya berbentuk pinggiran seperti pedagang kaki lima walau pun terdapat juga sebilangan yang lebih maju.

Tahap Pembandaran Pseudo

Bandar-bandar terbitan dari pengalaman kolonial Inggeris sebagai habitat dalam landskap perbandaran Malaysia sekitar tahun-tahun selepas Peperangan Dunia Kedua (akhir 1940-an) masih utuh tetapi cuma kekal sebagai bandar-bandar lowongan (*sleepy hollows*)- sekadar menjadi petempatan dengan agihan barangan keperluan asas serta perkhidmatan pentadbiran Inggeris. Perancangan pembangunan selepas kegelapan-kehancuran Peperangan Dunia Kedua selepas berundurinya pentadbir Jepun, digerakkan semula oleh pentadbir Inggeris tetapi kini bersama pihak berkepentingan yang terdiri dari kenamaan Malaysia. Selain membaik pulih industri timah dan getah Malaya (ketika itu) pentadbiran Inggeris mengorak langkah untuk memulakan pembangunan industri pembuatan. Bermula dengan industri gantian import sebahagian ibu-ibu negeri yang terpilih mula mendapatkan suntikan pembangunan dari modal industri ini. Tetapi umumnya sebahagian besar bandar-bandar negara masih lesu tanpa ledakan modal. Ketika ini jugalah desa Malaysia yang terus mengalami peningkatan penduduk berhadapan dengan lebih tenaga kerja tetapi lemah dalam pencapaian pendidikan, tanpa kemahiran untuk pekerjaan bandar walaupun kukuh dalam pengalaman kerja-kerja pertanian, khususnya pertanian sara diri, terpaksa mengalih tempat kehidupan khususnya di bandar-bandar untuk bersaing dalam pasaran buruh yang terpecah-pecah (*fragmented*) terutama dalam

kegiatan tanpa kemahiran. Sebahagian dari mereka memasuki sektor pekerjaan awam menerusi alur kerja berpakaian seragam (polis, askar, bomba dan lain-lain) sementara selainnya mencuba nasib dalam sektor awam di bandar dan juga swasta pada peringkat yang rendah. Ramai yang bertugas sebagai pemandu, tukang kebun dan budak pejabat (Abdul Samad Hadi 2001; 2005). Struktur ekonomi yang sedemikian tanpa bantuan modal perumahan yang jelas mengizinkan pekerja dari desa ini bersesak di kawasan kampung di tengah bandar, kampung di pinggiran bandar dan apatah lagi - kawasan setinggan. Satu ciri pemandaran pseudo, huraian McGee (1971) terjelma dalam rungsaian pengalaman di atas.

Pemacu pembangunan selepas Perang Dunia Kedua itu seharusnya dapat terus memburukkan keadaan di bandar-bandar negara dengan menarik terus anak-anak desa melamar pekerjaan di bandar dengan lebih hebat lagi sekiranya negara tidak bertindak menggerakkan pertanian secara meluas menerusi pembukaan tanah baru menerusi rancangan pertanian komersial dengan menempatkan keluarga miskin tegar tanpa harta dan tanah di desa. Rancangan pembangunan tanah ini, lebih dikenali dengan Rancangan FELDA (Rokiah Talib 2009) menyekat keadaan mengerikan seperti Favelas di Rio, kawasan Saweto di Afrika Selatan dan kawasan setinggan di Jakarta (Perlman 1976; Hugo 1975) menjelma.

Banyak ciri pemandaran ketika itu menunjukkan kelainan dari alur pengalaman proses pemandaran masyarakat di Barat semasa proses tersebut sedang meledak dan penduduk desanya mengalami penurunan berikutan migrasi dari desa ke bandar-bandar dan penurunan mendadak fertiliti penduduk desa, tetapi struktur ekonomi bandar-bandar negara-negara tersebut dapat menyerap ketibaan pekerja dengan jumlah ramai. Pun begitu kelainan proses pemandaran di Malaysia dan negara-negara membangun perlu dilihat dalam latar keadaan pemacu-pemacu pembangunan ketika itu.

Kesan daripada proses pemandaran yang digelar pseudo itu di Malaysia mula kelihatan terutama di kawasan luar dari ibu negara, Kuala Lumpur. Inisiatif pembangunan terus dilancarkan selepas Malaysia mendapatkan kemerdekaan dari penjajah Inggeris. Pembangunan kawasan industri dalam kawasan bandar baru terutamanya Petaling Jaya dalam tahun 1950-an dan kemudian kawasan industri lebih baru berkembang pula di sepanjang jalan utama baru dari Kuala Lumpur ke Pelabuhan Kelang dalam dekad-dekad seterusnya (1960-an dan awal 1970-an). Modal kewangan, modal perumahan, modal pengangkutan, modal dagangan komersial dan lain-lain modal mula menggerakkan pembinaan kawasan perumahan baru seiring dengan penubuhan kawasan industri baru, kawasan komersil baru yang dihubungi dengan sistem pengangkutan awam. Seiring dengan kemajuan itu infrastruktur sosial, rangkaian komunikasi dan prasarana kesihatan turut berkembang.

Tahap Kemunculan Kawasan Perbandaran Mega - sekitar 1970-an hingga kini

Proses pemandaran seterusnya dalam tahun-tahun bermula pada 1970-an terus bergerak walaupun perlahan. Saat dari mana pemandaran melonjak dan meledak secara meluas di Malaysia timbul dari dasar pembangunan negara yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan dimuatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-2 untuk digerakkan (Malaysia 1971). Tersirat dalam objektif serampang dua mata dasar tersebut iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menstruktur semula masyarakat Malaysia supaya tiada satu kumpulan etnik pun dalam negara akan pada akhirnya dikaitkan dengan satu-satu sektor ekonomi negara. Usaha mengkotakan objektif pertama itu lebih mudah kerana ekonomi negara dapat dimajukan dengan agihan lebih adil tetapi usaha menstruktur masyarakat Malaysia menerusi suatu usaha kejeruteraan masyarakat adalah lebih sukar kerana kekentalan struktur yang tersedia ada. Bagaimanapun usaha untuk menstruktur semula itu memerlukan masa. Pun begitu, Dasar Ekonomi Baru bagi dua dekad bermula 1970 dapat menggerakkan pemacu-pemacu baru bagi pertumbuhan ekonomi dan seterusnya pembangunan sosial, budaya dan kesenian. Modal dari luar untuk pembangunan industri pembuatan untuk eksport mula masuk, secara relatif, dengan banyaknya sebagai tindak balas terhadap dasar pelaburan yang begitu menarik dan

berdayasaing ketika itu (Malaysia 1976; 1981 1986 dan seterusnya). Kawasan perindustrian baru berkembang lebih jauh dari Lembah Kelang, satu jajaran dari Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Shah Alam dan Pelabuhan Kelang. Kawasan industri pembuatan juga menerpa maju ke kawasan perindustrian di setiap ibu negeri dan di bandar-bandar lebih kecil juga.

Beiringan dengan pengembengan modal perindustrian, modal kewangan, perumahan, pengangkutan dan seterusnya turut bergerak meledakkan fungsi bandar ke kawasan di luar sempadan lazim bagi bandar dan perbandaran. Justeru, dalam hampir empat dekad kebelakangan ini kawasan terbandar telah merebak secara meluas.

Dalam lanskap perbandaran di seluruh negara, sekurang-kurangnya tiga kawasan perbandaran mega sudah terserlah kini. Kawasan-kawasan itu termasuklah 1. Kawasan perbandaran Lembah Kelang-Lembah Langat-Lembah Sungai Selangor; 2. Kawasan perbandaran Pulau Pinang-Seberang Perai-Kulim-Sungai Petani; dan 3. Kawasan perbandaran Johor Baru-Pasir Gudang-Plentong-Skudai. Lebih kecil, kawasan-kawasan perbandaran – bandar-bandar baru berjajaran dari ibu-ibu negeri.

Kini menyerlah pula satu kawasan perbandaran mega yang diberikan nama oleh Kumpulan Penyelidikan kami, sebagai Lembangan Bernam-Linggi yang merangkumi Lembangan Bernam, Lembah Kelang, Lembangan Langat, Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Linggi - kawasan terbandar terus meledak dengan penambahan pelbagai pemacu tambahan yang kesemuanya akan melihat kemunculan satu kawasan terbandar mega menganjur dari utara (Lembah Bernam) hingga ke Lembangan Linggi di sebelah selatan dengan jumlah penduduk sekitar mungkin melebihi 7 juta orang kini. Ucapan ini akan merungkaikan seterusnya kawasan perbandaran mega Lembangan Bernam-Linggi ini.

Kemunculan Kepelbagaian Pemacu Pembangunan

Sebelum menjelajah lebih mendalam tentang kawasan perbandaran mega ini, kita cuba halusi pemacu-pemacu pembangunan di negara dan di Lembangan Bernam-Linggi ini supaya proses pembangunan perbandaran dapat dikaitkan dengan bentuk perbandaran mega berdayahuni, guna untuk merungkai isu-isu yang muncul dalam usaha membangunkan kehidupan bandar berdayahuni dalam kawasan perbandaran mega ini.

Tersirat dalam perbincangan tentang pengalaman-pengalaman perbandaran di atas tadi satu himpunan pemacu pembangunan yang bertindan lapis sudah nyata. Sejak zaman proses perbandaran awal (*nascent*) hingga ke tahap kemunculan kawasan perbandaran mega peranan modal dari luar sangat berkesan mempengaruhi perubahan terhadap habitat manusia dan lebih-lebih lagi persekitaran manusia di negara ini. Di zaman kolonial Inggeris modal itu dilabur oleh syarikat-syarikat milik Inggeris dan berkaitan untuk perlombongan terutama bijih timah dan pertanian komersial terutamanya getah. Sejak 1950-an pula modal terikat kepada industri pembuatan terutama industri gantian import telah mendasari pertumbuhan dan perubahan masyarakat dan sejak dari era Dasar Ekonomi Baru modal luar langsung menjadi teras bagi pelbagai modal lain untuk bersama memacu pertumbuhan ekonomi, membina kemajuan sosial yang dapat mengeluarkan negara dari sindrom kemunduran dan kemiskinan untuk berada di aras negara-negara dengan pendapatan menengah kini dan giat pula mengharungi perjalanan menuju ke arah berstatus negara maju. Pemerebakan kawasan perbandaran sudah ternyata dalam landskap budaya keseluruhan Malaysia sebagai kesan positif yang dapat digarap dari pengembengan modal-modal tersebut. Terandung dalam serlahan kawasan perbandaran itu adalah kepelbagaian kemajuan yang dinikmati oleh masyarakat perbandaran itu dan penduduk Malaysia keseluruhannya.

Kejayaan dari pemacu-pemacu adalah juga punca permasalahan yang boleh menghambat kemajuan ke arah pencapaian negara maju dan dalam kerangka itu kawasan perbandaran mega berdayahuni (*livability*) di Lembangan Bernam-Linggi. Proses sosial yang lahir dari pelbagai jenis modal tersebut telah mengkalutkan tanggungjawab penduduk terhadap alam sekitar. Pelbagai dasar yang cuba menunjukkan keprihatinan manusia terhadap kesejahteraan alam

sekitar di Malaysia kurang berjaya untuk membuahkann tanggungjawab terhadap alam sekitar. Proses sosial dari kemajuan yang tercapai menerusi pelbagai pemacu itu juga masih tidak dapat mengatasi semua masalah sosial dan masalah kemanusiaan. Isu-isu sosial masih meledak walaupun isu kemiskinan berjaya ditangani. Tanggungjawab terhadap manusia juga tidak boleh diabaikan dalam usaha kita mencari perbandaran berdayahuni.

MENCARI PERKAITAN ANTARA PROSES DAN BENTUK UNTUK PERBANDARAN BERDAYAHUNI DI MALAYSIA

Kepelbagaian pemacu pembangunan yang membawa perubahan terhadap kawasan bandar dan perbandaran menyerlahkan tindaan lapis proses; sekilas pandang proses tersebut tampak homogen dan perubahan terhasil pada landskap bandar perbandaran adalah juga kelihatan homogen. Rajah 1 dan 2 memberikan gambaran ini, bahawa kawasan perbandaran mega ini pada 1990an kelihatan telah merebak luas pada 2008. Kelihatan dari Rajah-rajah tersebut landskap umum perbandaran di Lembangan Bernam-Linggi itu tidak merebak luas dari pusat tepu kawasan perbandaran di Lembah Kelang ke pinggir menuju ke utara, Lembangan Bernam dan ke selatan, Lembangan Linggi secara homogen tetapi lebih merebak menurut jalan utama dalam keadaan yang tidak serata.


Menghalusi kesan pemacu tersebut di peringkat lokal yang melibatkan komuniti bandar, proses tersebut amat pelbagai dan rencam kesannya di ruang habitat manusia. Meneliti proses sosial di peringkat komuniti dan setempat bandar dan perbandaran menyerlahkan kekompleksan serta kedinamikan sosial di peringkat itu (lihat Batty 2005 berkaitan kompleksiti dalam perkembangan bandar). Ratusan keputusan dibuat setiap hari oleh ahli komuniti di pelbagai tempat dalam bandar misalnya berkaitan kehidupan seharian. Kesan keputusan tersebut tampak homogen kerana hasil keputusan yang dibuat terikat kepada bentuk bandar tersedia. Perkara ini boleh dijelaskan lagi menerusi contoh perkembangan kawasan perumahan bandar. Semasa kawasan perumahan dibangunkan dan menular ke semua bahagian sesuatu bandar ribuan bakal pembeli akan membuat penilaian rumah, kawasan dan lokasi bandingan kawasan perumahan itu selain pelbagai perkara lain lagi diperhatikan sebelum memilih rumah di sesuatu kawasan. Akhirnya terserlah perkembangan kawasan perumahan yang telah dibangun di kawasan yang ditentukan oleh perancang. Maksudnya, bentuk kawasan perumahan keseluruhan sudah ditentukan bagi proses pemilihan untuk membeli rumah, walaupun keputusan itu berlaku dalam suasana bebas tetapi tertumpu juga kepada bentuk yang sudah ditentukan. Berikutan betapa kompleksnya proses di peringkat komuniti dalam sesuatu bandar pemerebakan kawasan terbandar itu tidak semestinya menunjukkan satu bentuk mudah dan lurus (*linear*).

Pun begitu, pemahaman proses sosial yang kompleks itu pasti akan membantu pewujudan satu kawasan perbandaran mega berdayahuni (Abdul Samad Hadi et al 2009). Kawasan perbandaran mega berdayahuni itu akan menyerlahkan satu keadaan kehidupan seharian warga yang lestari. Maka kawasan perbandaran mega lestari itu seharusnya mempunyai ekonomi yang segar - berkembang untuk dapat menyara warganya dengan menyediakan pekerjaan, lengkap prasarana fizikal dan sosial, sihat, selamat dalam satu keadaan kehidupan bandar berhemah, beretika dan bersesuaian dengan tanggungjawab terhadap persekitaran-tabii dan binaan, penggunaan tenaga dan sumber. Banyak aspek persekitaran tabii bandar sudah pasti berubah, diambil alih oleh persekitaran yang diubahsuai secara menyeluruh atau sebahagian. Kawasan bandar menonjolkan habitat manusia yang sudah ditukar dengan binaan sepenuhnya.

Dalam pencarian perbandaran berdayahunilah, kita harus soalkan bagaimanakah harus proses sosial yang pelbagai dalam kawasan perbandaran mega tadi dapat dikaitkan dengan bentuk bandar berdayahuni? Kedua-dua proses dan bentuk bandar berdayahuni itu berkembang dalam masa dan ruang. Proses sosial adalah dinamik - berubah menurut peredaran masa dan keadaan pengaruh pemacu-pemacu yang kuat ketika itu. Bentuk bandar berdayahuni pula



Rajah 1. Gunatanah Tahun 1995
Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia 1997



Rajah 2. Gunatanah tahun 2007/2008
Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia 2007 dan kerjalapangan

biasanya sudah ditentukan menerusi pelbagai proses juga tetapi lazimnya bentuk itu diwujudkan menurut ilham mereka yang berkuasa. Ini kerana tidak mungkin cita rasa setiap orang dapat diselaraskan dengan bentuk dayahuni yang dimahukan. Pada akhirnya adalah wajar bentuk itu ditentukan. Pun begitu, sebaiknya proses sosial itu dapat dikaitkan dengan bentuk. Tetapi biasanya bentuk bandar berdayahuni dibina oleh kumpulan perancang yang rata-rata tidak semestinya selari dengan proses sosial, walaupun perancang itu cuba mewujudkan keadaan yang ideal - satu utopia, di dalamnya terkandung segala yang terbaik untuk masyarakat. Mungkin bentuk bandar berdayahuni itu juga perlu dinamik, bersesuaian dengan proses (lihat perbincangan David Harvey 2000 tentang isu ini). Bagaimanapun, dalam konteks keadaan semasa politik, sosial-budaya dan ekonomi Malaysia, tidak mungkin proses di peringkat komuniti semasa pengglobalan pembangunan dalam persekitaran liberalisme ekonomi kini bergerak secara bebas bagi memenuhi cita rasa setiap orang dan komunitinya; intervensi negara perlu bagi membantu menunjuk arah pembangunan kepada pencapaian kehidupan lebih beretika yang pada akhirnya membuahkan satu masyarakat dalam habitat berdayahuni.

Akhir kata, semasa proses pemandaran menular kuat untuk menukarkan landskap petempatan bandar satu ketika dahulu kepada satu landskap perbandaran dalam bentuk habitat bandar yang besar yang tidak pernah terbayang dalam pemikiran penduduk setempat kini pada satu ketika dahulu, kita harus memikirkan satu ikatan serasi antara 'proses' sosial dengan 'bentuk' bandar agar bandar berdayahuni itu dapat diwujudkan dan dilestarikan.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hadi. 2001. Laluan ke arah pemandaran di Malaysia. *AKADEMIKA*, 58.
- Abdul Samad Hadi. 2005. *Pemandaran lestari: membina kehidupan di bandar*. Bangi: Penerbit LESTARI.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. 2008. *Dayahuni bandar (urban livability)*. Bangi: Penerbit LESTARI.
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, Abdul Hadi Harman Shah & Ahmad Fariz Mohamed. 2009. Malaysian urbanization transition: from nascent, pseudo to livable mega-urban region. International Symposium on Sustainable Living: Articulating the Faces of Urbanization. Anjuran Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia, 4 Jun.
- Armstrong, W. & McGee, T.G. 1985. *Theatres of accumulation: studies in Asian and Latin American urbanization*. New York: Methuen.
- Gullick, J.M. 2003. A history of Negri Sembilan. Monograph No. 33, *MBRAS*.
- Harvey, D. 2000. Possible urban worlds. Megacities lecture 4. Amersfoort, The Netherlands; Twynstra Gudde Management Consultants.
- Hugo, G. 1975. Population mobility in West Java. Unpublished Ph.D. thesis. Department of Demography, Australian National University, Canberra.
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western Malay States 1850-1873. The effects of commercial development on Malay politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lim Heng Kow. 1978. *The evolution of the urban system in Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Malaysia. 2000. Banci Penduduk dan Perumahan Negara. Population Distribution by Local Authority Areas and Mukims. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1971. *Rancangan Malaysia Kedua*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1976. *Rancangan Malaysia Ketiga*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1981. *Rancangan Malaysia Keempat*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1991. *Rancangan Malaysia Keenam*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 1996. *Rancangan Malaysia Ketujuh*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan*. Kuala Lumpur: Cetakan Kerajaan.

- McGee, T.G. 1967. *The Southeast Asian City. A social geography of the primate cities of Southeast Asia*. London: G. Bell & Sons.
- McGee, T.G. 1971. *The urbanization process in The Third World – explorations in search of a theory*. 3rd edition. London: Bell & Hyman Limited.
- McGee, T.G. 2009. *The spatiality of urbanization: the policy challenges of mega-urban and desakota regions of Southeast Asia*. LESTARI Public Lecture Series No. 8. Bangi: Penerbit LESTARI.
- Rokiah Talib. 2009. *Raja Mohamad Alias: the architect of FELDA*. Bangi: Penerbit UKM.
- Newman, P. & Jennings, I. 2008. *Cities as sustainable ecosystems; principles and practices*. Washington: Island Press.
- Perlman, J. 1976. *The myth of marginality*. Berkeley: University of California Press.
- Thomas Jr. 1956. *Man's role in changing the face of the earth*. Chicago: University of Chicago Press.
- Zaharah Mahmud. 1970. The period and the nature of "Traditional" settlement in the Malay Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch (Royal Asiatic Society) XLIII Pt. II: 81-113*.

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: asamad@ukm.my